

24 JUN 2003

Mahathir-Kabinet

CHAN KONG CHOY KINI MENTERI PENGANGKUTAN

PUTRAJAYA, 24 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan pelantikan Timbalan Menteri Kewangan II Datuk Chan Kong Choy sebagai Menteri Pengangkutan, menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Dalam sidang media di pejabatnya di sini, Perdana Menteri berkata Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Dr Ng Yen Yen pula menggantikan Chan sebagai Timbalan Menteri Kewangan II manakala tempat Dr Ng diambil alih oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Fu Ah Kiow.

Mengulas mengenai jawatan baru Chan, Dr Mahathir berkata: "Ia penilaian saya akan kebolehannya. Beliau juga mempunyai banyak pengalaman."

Bagi jawatan baru Dr Ng pula di Kementerian Kewangan, Dr Mahathir berkata ia sebagai pengiktirafan akan keupayaan wanita dan membuktikan kerajaan tidak memilih jantina.

Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Kewangan berkata terdapat ramai pegawai wanita di Kementerian Kewangan, termasuk mereka yang terbabit dalam menyediakan belanjawan negara.

Mengenai pelantikan Dr Ng, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Kita sukakan wanita."

Dr Mahathir berkata perubahan kecil dalam Kabinet akan berkuatkuasa secepat mungkin selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamallulail.

Beliau turut mengumumkan pelantikan dua lagi anggota MCA iaitu Datuk Donald Lim Siang Chai sebagai Timbalan Menteri Penerangan dan wakil rakyat Ipoh Barat Datuk Ir Ho Cheong Sing sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Donald Lim sebelum ini merupakan Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan. Ho pula akan menggantikan tempat Fu.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada pelantikan itu yang kebanyakannya membabitkan anggota MCA menandakan masalah dalaman parti komponen kedua terbesar dalam Barisan Nasional (BN) itu telah berakhir.

Kepada ini, Perdana Menteri berkata beliau tidak mengamalkan pilih kasih terhadap sesiapa dan tidak mengiktiraf "Team A, atau Team B" yang sebelum ini terbabit dalam pergelutan kuasa dalam MCA.

Chan merupakan naib presiden MCA sehingga jawatankuasa pusat MCA pada 23 Mei lepas memilih beliau sebagai timbalan presiden parti.

Pelantikan Chan hari ini dibuat ekoran peletakkan jawatan oleh Dr Ling sebagai Menteri Pengangkutan pada 28 Mei lepas. Dr Ling telah memegang jawatan itu selama 17 tahun sejak 1986.

Dr Mahathir juga memindahkan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk M. Kayveas ke Jabatan Perdana Menteri dalam jawatan yang sama.

Sementara itu, anggota Parlimen Arau Datuk Mastika Junaidah Husin dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Ditanya sama ada tindakan memindahkan Kayveas ke Jabatan Perdana Menteri adalah sebagai mengiktiraf peranannya dalam membangkitkan pelbagai masalah yang berkaitan dengan kerajaan tempatan, Dr Mahathir berkata ia hanya "perpindahan biasa".

Dr Mahathir juga melantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan.

Ditanya mengenai nasihat beliau kepada mereka yang baru dilantik itu, Perdana Menteri berkata mereka mesti berkhidmat dengan baik bagi kerajaan, dan perlu mengambilkira hakikat yang mereka adalah anggota BN selain daripada anggota parti masing-masing.

"Mereka mesti mematuhi dasar-dasar kerajaan dan tidak mengumumkan dasar sendiri yang tidak diputuskan oleh Kabinet," katanya.

Ditanya mengenai nasihat beliau kepada mereka yang baru dilantik itu, Perdana Menteri berkata mereka mesti berkhidmat dengan baik bagi kerajaan, dan perlu mengambilkira hakikat yang mereka adalah anggota Barisan Nasional selain daripada anggota parti masing-masing.

"Mereka mesti mematuhi dasar-dasar kerajaan dan tidak mengumumkan dasar sendiri yang tidak diputuskan oleh Kabinet," katanya.

-- BERNAMA

MAD MAM PR